

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL**  
**GHAPUR BIN SALLEH [ KALABAKAN ]**  
**TARIKH : 8 MAC 2018**  
**SOALAN : 69**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pada masa ini kita mengetahui terdapatnya pelbagai jenis ubat penyakit termasuk ubat terkawal yang dijual kepada orang ramai dengan tidak dapat kelulusan daripada doktor pakar. Bolehkah Kementerian memberitahu mengapa perkara ini berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Secara umumnya, kawalan ke atas penjualan atau pembekalan ubat terkawal yang digunakan untuk tujuan perubatan diperuntukkan di bawah Akta Racun 1952 , Akta Jualan Dadah 1952 , Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan peraturan - peraturannya. Ubat terkawal yang dibekalkan kepada pesakit perlu berdaftar dengan KKM dan dibekalkan mengikut peruntukan Akta Racun 1952 oleh pengamal perubatan atau pergigian berdaftar dan ahli farmasi berlesen. Di bawah peruntukan undang-undang sedia ada, hanya dinyatakan sebagai "pengamal

perubatan berdaftar” dan tiada perbezaan di antara pengamal perubatan dengan pakar perubatan.

Penjualan dan pembekalan ubat terkawal yang dikelaskan sebagai Racun Kumpulan B di bawah Akta Racun 1952 seperti antibiotik, ubat darah tinggi, ubat rawatan kanser dan ubat rawatan jantung hanya boleh dibekalkan oleh pengamal perubatan berdaftar kepada pesakit untuk tujuan rawatan sahaja. Ubat terkawal dalam kumpulan ini juga hanya boleh dibekalkan oleh ahli farmasi berlesen setelah mendapat preskripsi daripada pengamal perubatan berdaftar.

Ubat terkawal di bawah Racun Kumpulan C boleh dibekalkan oleh ahli farmasi berlesen tanpa preskripsi. Contoh ubat-ubatan di bawah Racun Kumpulan C adalah seperti ubat antihistamin, ubat batuk dan gastrik. Semua ubat-ubatan yang dibekalkan perlu dilabel mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Untuk makluman YB Kalabakan juga, individu yang didapati menjual ubat terkawal tanpa preskripsi dari pengamal perubatan berdaftar boleh diambil tindakan di bawah Akta Racun 1952. Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan apa-apa penjualan atau pembekalan ubat terkawal mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.